


MERCU TANDA

RISALAH JAKIM



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Kompleks Islam Putrajaya,
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3, 62100 Putrajaya,
Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia.



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Datuk Mohamad Nordin bin Ibrahim
Ketua Pengarah

PENASIHAT

Dato' Paimuzi bin Yahya
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)

Haji Ahmad Musadad bin Sulaiman
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

KETUA PENYELARAS

Haji Mohd Norizan bin Abd Ghani
Haji Zakaria bin Othman

PENYELARAS


Norzaidan bin Hamad
Mohd Azmi bin Haji Masjuri

EDITOR

Dr. Sa'adi bin Awang
Zuraiza bt Husin
Mohd Salehin bin Sopian

JURUFOTO

Muktasyaf bin Ibrahim
Hamdan bin Muhamad



KANDUNGAN

PRAKATA	V
SELAYANG PANDANG	VII
SEKAPUR SIRIH	IX
SEULAS PINANG	XI
SEJAMBAK BICARA	XIII
MASJID NEGARA	2
DARUL QURAN	24
INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA (ILIM) KAMPUS BANGI	44
JAKIM CAWANGAN SABAH	54
JAKIM CAWANGAN SARAWAK	60
INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH (IPDAS)	66
INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH (IPDAS) KAMPUS KUDAT	76
INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA (ILIM) KAMPUS KUNDASANG	86
INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK (IKMAS)	96
INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA (ILIM) KAMPUS JELEBU	106
MASJID PUTRA	114
PUSAT LATIHAN SARAWAK (PLS)	124
INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA (ILIM) KAMPUS LAHAD DATU	128
MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN	132
INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA (ILIM) KAMPUS LAWAS	140
INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA (ILIM) KAMPUS BESUT	146
KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA (KIP)	154
PUSAT ANALISIS HALAL MALAYSIA (MYHAC)	168
RINGKASAN MAKLUMAT PREMIS JAKIM	179
JAWATANKUASA KERJA	180
PENUTUP	181
PENGHARGAAN	182



Prakata

Buku “Mercu Tanda Risalah JAKIM” memaparkan premis milik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang dikompilasi untuk panduan dan rujukan umum. Sejajar dengan usia penubuhan 50 tahun, JAKIM telah melalui beberapa fasa perkembangan dan pembangunan ke arah merealisasikan peranan dan fungsi penubuhannya oleh Majlis Raja-Raja Melayu pada tahun 1969. Sepanjang usia 50 tahun, terbukti JAKIM telah melebarkan risalah ke seluruh pelusuk negara. Sebahagiannya terbukti dengan pembinaan mercu tanda JAKIM dalam pelbagai bidang termasuk bidang ibadat seperti masjid, bidang pembangunan modal insan seperti pusat-pusat latihan, bidang pendidikan seperti Darul Quran, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) serta Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), bidang pengurusan Islam seperti makmal halal dan seterusnya bidang pentadbiran seperti kompleks pentadbiran.

Konsep buku ini direka dengan menampilkan rakaman foto menarik premis JAKIM serta diselitkan dengan penerangan ringkas mengenai fakta sejarah dan latar belakang penubuhannya. Tujuan penerbitan buku ini ialah sebagai satu inisiatif untuk mendokumentasi premis milik JAKIM dan memaparkan keunikan serta keindahan seni bina premis tersebut.


Usaha generasi terdahulu yang bijak merancang dan menyusun langkah dalam memartabatkan pengurusan hal ehwal Islam menjadi warisan berharga kepada warga JAKIM dan umat Islam seluruhnya. Betapa besar sumbangan mereka sehingga manfaatnya dapat dirasai oleh generasi terkini.

Semoga penerbitan buku ini dapat menjadi pemangkin kepada usaha yang lebih jitu dalam menerbitkan pelbagai koleksi ilmiah di masa akan datang.



21 Mei 1985, nama Bahagian Ugama telah ditukar kepada Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri dan mula beroperasi di bangunan baharu yang dikenali sebagai Kompleks Pusat Islam Malaysia, Jalan Perdana Kuala Lumpur





Selayang Pandang

Petikan Ucapan Perdana Menteri Malaysia yang Keempat

YAB DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD

SEMPENA PERASMIAN BANGUNAN PUSAT ISLAM MALAYSIA


PADA 16 SEPTEMBER 1985

"Hasrat Kerajaan mengembangkan syiar Islam dipertanggungjawabkan kepada semua jabatan dan agensi Kerajaan. Tetapi Pusat Islam merupakan agensi utama. Di sini ditempatkan orang-orang yang ahli dalam hal-hal kelslamam. Harapan Kerajaan dan harapan negara ialah mereka yang diberi kepercayaan ini tidak akan menghamparkan harapan ini dan sudah tentu tidak akan menggunakan kemudahan yang mereka perolehi untuk tujuan-tujuan lain. Ikrar orang Islam tidak boleh dianggap ringan. Saya menyeru semua pihak agar sama-sama mengembeling tenaga berusaha untuk memperkuuhkan umat kita seperti mana yang dikehendaki oleh Islam. Satu aspek yang penting dalam pengukuhan umat Islam ialah perpaduan di kalangan umat itu sendiri. Maka di sini saya menyeru kepada semua pihak agar memberi sumbangan ke arah penyatuan umat. Di samping itu, kita hendaklah berusaha menjauhkan segala anasir yang boleh memecah-belahkan umat Islam di negara kita".



Sekapur Sirih

Menteri di Jabatan Perdana Menteri



Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) terus mengorak langkah dalam memartabatkan pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia. Pembinaan pelbagai premis dibawah pentadbiran JAKIM seperti masjid, institut latihan, institut pengajian, pusat analisis dan pejabat sama ada di peringkat persekutuan atau negeri membuktikan iltizam kerajaan dalam memperkasakan peranan JAKIM di negara ini.

Dalam kesempatan ini, sukacita saya merakamkan ucapan tahniah atas penerbitan buku "Mercu Tanda Risalah JAKIM" yang dapat menyingkap sejarah bangunan-bangunan yang dibina sepanjang 50 tahun penubuhan JAKIM. Ini menjadi penanda aras bahawa JAKIM telah mencapai tahap kematangan dalam menerajui pembangunan Islam di Malaysia.

Penerbitan buku ini adalah satu inisiatif yang baik untuk mengetengahkan kreativiti arkitek tempatan dalam menghasilkan seni bina bangunan yang menonjolkan imej Islam.

Akhir kata, semoga usaha yang dilakukan diberkati Allah SWT dan buku ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak khususnya dalam kalangan warga JAKIM.

Sekian, wassalam.

YB DATUK SERI DR MUJAHID YUSOF RAWA





Seulas Pinang

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana usaha Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk menerbitkan buku "Mercu Tanda Risalah JAKIM" berjaya direalisasikan.

Perkembangan sejarah pembinaan pelbagai premis di bawah pentadbiran JAKIM dapat dirakam dalam buku ini dan menjadi sumber rujukan yang berharga buat semua khususnya warga JAKIM.

Selari dengan kewujudan premis-premis ini, setiap institusi perlu memainkan peranan dalam memastikan sistem pengurusan adalah berteraskan nilai dan etika Islam. Saya juga berharap agar JAKIM dan agensi-agensi agama yang lain dapat mengorak langkah, sederap dan senada dalam pemerkasaan dan kecemerlangan pengurusan hal ehwal Islam di negara ini.

Saya percaya komitmen yang tinggi dan kerjasama yang padu daripada semua pihak telah menatijahkan penerbitan buku yang dapat kita tatapi. Tahniah dan syabas diucapkan kepada sidang redaksi serta semua pihak yang terlibat.

Sekian, wassalam.

YB PUAN HAJJAH FUZIAH BINTI SALLEH





Sejambak Bicara



**Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)**

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah rahmatNya JAKIM dapat menerbitkan buku Mercu Tanda Risalah JAKIM seperti yang dirancang. Penerbitan buku ini merupakan sebahagian daripada inisiatif JAKIM untuk merakam dan mengabadikan premis milik JAKIM yang terdapat di pelbagai tempat dalam negara ini. Selain daripada seni bina bangunan yang menarik dan bersejarah, premis ini juga sebahagian daripada tanda bahawa JAKIM telah berusaha melebarkan risalah keseluruhan pelusuk tanah air. Kewujudan 18 premis ini telah dapat dimanfaatkan oleh pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, latar belakang dan kedudukan. Selain daripada premis ini, JAKIM juga memiliki dua lot tanah di Tongod, Kinabatangan, Sabah dan juga di Mukim Senggang, Kuala Kangsar, Perak yang perludibangunkan di masa akan datang.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada sidang redaksi dan semua pihak yang memberi sumbangan secara langsung maupun tidak langsung dalam menerbitkan buku ini.

Harapan saya, penerbitan buku ini akan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak sebagai panduan dan rujukan di masa hadapan. Semoga usaha kecil ini turut menjadi amal jariah kepada generasi terdahulu yang begitu banyak menyumbang usaha dan tenaga sehingga terbinanya premis yang amat banyak manfaatnya.

Sekian, wassalam.

DATUK MOHAMAD NORDIN BIN IBRAHIM



Pengurusan
Tertinggi
JAKIM



KOMPLEKS
ISLAM
PUTRAJAYA

BLOK C



GARIS MASA PENUBUHAN PREMIS

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



MASJID NEGARA

- Masjid Negara dibina pada tahun 1963.
- Dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong III, Almarhum Tuanku Syed Putra ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail pada 27 Februari 1963.



ILIM KAMPUS BANGI

- Pada April 1974, Institut Dakwah dan Latihan Islam Malaysia (INDAH) telah ditubuhkan dan membawa kepada penubuhan ILIM pada tahun 1997.



1963

1966

1974



DARUL QURAN

- Idea penubuhan Institut Pengajian al-Quran di Malaysia dizahirkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.
- Pada 1966 Maahad Tahfiz dan Kira'ah Al-Quran ditubuhkan dan ditempatkan di Masjid Negara.



JAKIM CAWANGAN SABAH

- Pada tahun 1978, JAKIM mula bertapak di Sabah dan mula beroperasi di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Negeri Sabah pada tahun 2007.

KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA (KIP)

- Mula dibina pada tahun 2011 dan pembinaannya siap pada Julai 2016.
- Mula beroperasi pada Disember 2016.



ILIM KAMPUS LAWAS

- Majlis pecah tanah berlangsung pada 13 April 2006 oleh YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak.



2012

2011

2007

2006

2004

MYHAC

- Mula dibina pada tahun 2012 dan beroperasi pada tahun 2015.



ILIM KAMPUS BESUT

- Projek pembinaan dimulakan pada 3 Disember 2007 dan mula beroperasi pada 11 Februari 2010.



MASJID TUA MIZAN ZAIN ABIDIN

- Masjid Tuanku Mizan Zain Abidin mula dibina pada 2004 oleh Perbadanan dan siap dibina pada 2009.

JAKIM CAWANGAN SARAWAK

- Pada September 1978 JAKIM mula bertapak di Sarawak dan mula beroperasi di Kompleks Islam Sarawak pada tahun 2014.



1978

1978

IPDAS KAMPUS KUDAT

- Mula dibina pada 1979 oleh Kerajaan Negeri Sabah di atas tanah seluas 20 hektar.
- Pada 20 Oktober 2012, PLDK ditukar nama kepada IPDAS Kampus Kudat.



1979

IKMAS

- Penubuhan IKMAS diputuskan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri Malaysia pada tahun 1994 dan mula beroperasi pada tahun 2000.

1994



IPDAS

DAHULU DIKENALI SEBAGAI PUSAT LATIHAN DAKWAH KENINGAU

- Mula dibangunkan pada Oktober 1979 di bawah pengurusan Kerajaan Negeri Sabah.



ILIM KAMPUS KUNDASANG

- Mula dibina pada tahun 1984 oleh Kerajaan Negeri Sabah.
- Pada Disember 2018, pusat ini dikenali sebagai ILIM Kampus Kundasang

ILIM KAMPUS LAHAD DATU

- Projek pembinaan dimulakan pada Ogos 1999.
- Diserahkan kepada JAKIM pada 27 November 2008 dan mula beroperasi pada tahun 2009.



MASJID PUTRA

- Masjid Putra mula dibina pada Jun 1997 dan diserahkan kepada JAKIM pada 1 September 1999.



1999

1997

1997

1996

PLKU IAL

Zainal
pada April
an Putrajaya
ta tahun



PUSAT LATIHAN SARAWAK (PLS)

- Mula beroperasi pada 1 Ogos 1997 dan kini diletakkan di bawah pentadbiran IKMAS.



ILIM KAMPUS JELEBU

- Dibina pada tahun 1996 dan mula beroperasi pada tahun 1999.






MASJID NEGARA

NO GERAN: 64072, LOT 58

Masjid Negara dibina pada tahun 1963. Dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong III, Almarhum Tuanku Syed Putra ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail pada pada 27 Februari 1963.





Masjid Negara
merupakan lambang
keagungan Islam
sebagai agama rasmi
di Malaysia



SEJARAH PEMBINAAN

Masjid Negara dibina pada tahun 1963 dan dirasmikan pada 27 Ogos 1965. Cadangan pembinaan Masjid Negara dicetuskan sebelum negara mencapai kemerdekaan. Persidangan Majlis Kerja Kerajaan Persekutuan pada 30 Julai 1957 mencadangkan pembinaan sebuah masjid sebagai tanda peringatan Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Cadangan awal nama Masjid Negara dinamakan sempena nama YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah sebagai tanda penghargaan daripada seluruh rakyat Malaysia atas sumbangan dan jasa Tunku dalam memimpin negara mencapai kemerdekaan. Namun, Tunku telah menolak penghormatan tersebut dan mencadangkan masjid ini diberi nama "Masjid Negara" sebagai tanda kesyukuran kemerdekaan Tanah Melayu dicapai secara aman tanpa sebarang pertumpahan darah.



YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
Perdana Menteri Malaysia yang Pertama

“Bagi saya Masjid Negara ini menjadi lambang perpaduan seluruh rā’ayat Malaysia, kerana Masjid ini di-bangunkan bukan-lah semata2 dari wang derma Orang2 Islam sahaja, tetapi juga dari derma Orang2 yang bukan Islam yang mempunyai semangat kerjasama dan ta’at setia yang tidak berbelah bagi pada negara ini. Ini-lah salah satu keistimewaan yang ada dalam negara kita ini”.

Petikan perutusan Perdana Menteri Malaysia yang Pertama, YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, 14hb Ogos 1965, Kuala Lumpur

Bagi melaksanakan projek ini, sebuah jawatankuasa kerja Masjid Negara ditubuhkan di bawah pemantauan YAB Tun Abdul Razak Hussein Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu. Jawatankuasa kerja ini bertanggungjawab mendapatkan dana bagi membangunkan masjid ini dengan anggaran kos berjumlah RM10 juta. Jemaah Menteri bersetuju untuk menggunakan peruntukan Persekutuan Tanah Melayu sebanyak RM4.5 juta, sementara bakinya diperoleh daripada sumbangan pihak lain. Kerajaan negeri-negeri menyumbang sebanyak RM2.5 juta, manakala sumbangan daripada ahli perniagaan dan korporat serta orang ramai berjumlah RM3 juta.



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Abdul Razak Hussein dan arkitek meninjau kerja-kerja pembinaan Masjid Negara





Pembinaan struktur bangunan Masjid Negara bermula pada tahun 1963

Tapak Masjid Negara dipilih oleh Tunku Abdul Rahman Al-Haj berdasarkan kesesuaian lokasinya di tengah-tengah beberapa bangunan penting dan berdekatan dengan stesen kereta api yang merupakan pengangkutan utama pada waktu itu. Keluasan tapak Masjid Negara ialah 5.26 hektar yang terletak di Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur. Selepas kerja-kerja penyediaan tapak dimulakan pada Disember 1960, Tunku telah merasmikan upacara penetapan kiblat pada 27 September 1961.

Tanggal 27 Februari 1963, upacara peletakan batu asas Masjid Negara telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong III, Tuanku Syed Putra ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail.



PERASMIAN PREMIS

Masjid Negara telah dirasmikan pada hari Jumaat 27 Ogos 1965 oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong III, Tuanku Syed Putra ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail.


Turut hadir dalam upacara tersebut ialah Raja-Raja Melayu, Perdana Menteri Malaysia - Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Abdul Razak Hussien dan beberapa orang kenamaan yang lain. Hampir 10000 orang hadir serta menunaikan solat Jumaat bersama-sama dengan DYMM Yang di-Pertuan Agong dan telah diimamkan oleh Imam Masjidil Haram Tuan Sheikh Abdullah al-Khayyat.

Dalam titah ucapan perasmian ini, DYMM Yang di-Pertuan Agong mendoakan agar segala kebajikan, kemajuan dan kemakmuran yang dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia akan berlipat ganda.



Lebeh 10,000 hadhir..

Biar pun 2,000 saja di-undang



Perasmian Masjid Negara pada 27 Ogos 1965, kehadiran orang ramai adalah di luar jangkaan

KEUNIKAN SENI BINA

Masjid Negara mengambil kira falsafah seni bina moden melalui penggunaan teknologi dan bahan binaan bermutu tinggi. Penggunaan teknologi konkrit tetulang sebagai struktur utamanya merupakan bukti aplikasi teknologi terkini pada masa itu.

Hasilnya, struktur payung terbuka bergaris pusat 144 kaki persegi sebagai bumbung menutupi dewan solat dengan disokong 16 batang tiang bulat berteknologi konkrit tetulang setinggi 84 kaki.





Bumbung masjid dibina sebagai plat berlipat kukuh dan mampu melintang dengan lebih luas. Konsep pembinaan ini merupakan satu inovatif anak tempatan yang amat dibanggakan.



Reka bentuk Masjid Negara selaras dengan reka bentuk bangunan zaman moden dengan mengekalkan seni bina Islam. Idea reka bentuk Masjid Negara merupakan gabungan seni bina moden yang bersulamkan seni bina tempatan.


Bentuk ukiran jerjak besi yang mengelilingi bangunan ini dan dom-dom kecil yang berada di sebelah atas beranda berasaskan reka bentuk sarasin, tetapi disesuaikan dengan reka bentuk moden.



STRUKTUR MASJID NEGARA

Bangunan masjid ini dilengkapi dengan dewan solat utama, dewan besar, dewan persidangan, perpustakaan, dua buah bilik beradu sementara diraja, beranda, halaman dengan dua buah kolam dan pejabat pengurusan masjid. Turut disediakan bilik rakaman radio dan televisyen.

Terdapat tiga buah pintu besar dan sebuah pintu khas bagi kegunaan diraja. Di tingkat bawah terdapat kemudahan tempat wuduk, bilik mandi, rak simpanan kasut dan bilik rehat untuk mereka yang bermusafir.

Sebelum sampai ke dewan solat di aras pertama terdapat sebuah ruangan besar yang didirikan 48 tiang konkrit, manakala di tepinya terdapat kolam pancuran air bertujuan untuk menyejukkan kawasan masjid.





DEWAN SOLAT

Atap konkrit bentuk berlipat menzahirkan kekreatifan arkitek dalam menyediakan ruang solat yang besar. Dewan solat ini bertembok konkrit tetulang dan dilekapkan dengan batu marmar Itali.

Bumbung bahagian dalam dewan solat berukuran 83 kaki tinggi yang mempunyai garis pusat sepanjang 200 kaki dan disokong oleh enam batang tiang. Tiang-tiang diturap dengan terazo.

Di tengah bumbung dewan solat terdapat sebuah aluminium yang diukir dengan ayat al-Quran seperti replika kubah Masjid Biru di Istanbul, Turki.





Dewan solat ini mampu menampung 3 ribu jemaah dengan keluasan 22 500 kaki persegi. Seramai 5 ribu jemaah lagi mampu memenuhi kawasan beranda yang berada di ketiga-tiga rusuk bahagian dewan solat ini

MENARA

Di tengah kolam berdiri tegak sebuah menara. Menara ini digunakan untuk mengumandang azan setiap kali waktu solat. Tingginya ialah 235 kaki atau 245 kaki tinggi dari lantai ke hujung menara yang melambangkan bulan dan bintang.

Bentuk menara dan bumbung beropol yang ada pada Masjid Negara melambangkan kesetiaan. Konsep ini dipadankan dengan rupa payung diraja. Dua dinding menara yang saling bertentangan bertampal dengan papak batu kapur dan terazo, manakala

dua dinding yang lain berhias dengan kekisi terazo. Puncak menara dikemaskan dengan mozek gelas putih. Dalam menara ini disediakan sebuah lif untuk naik ke atas pentas menara. Pentas ini tingginya 140 kaki dari tanah. Disediakan sebuah anak tangga berpilin di sebelah lif. Gerabak lif ini bertingkap kaca yang membolehkan penumpang di dalam lif melihat bandar Kuala Lumpur. Menara ini diterangi oleh lampu berjalur, menjadikannya kelihatan begitu berbahaya pada waktu malam.



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



19

PERISTIWA BERSEJARAH MASJID NEGARA

Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Masjid Negara telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Almarhum Al-Sultan Al-Mu'tassim Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah pada 27 Ogos 2015.

Masjid Negara dikategorikan sebagai Masjid Pelancongan di Malaysia. Inisiatif mengimarahkan masjid bukan hanya tertumpu kepada aktiviti ibadat dalam kalangan umat Islam semata-mata, sebaliknya peranan masjid diperluas sejajar dengan perkembangan dunia hari ini.

Usaha memperkenalkan program masjid pelancongan merupakan antara metode menyampaikan dakwah dan fakta sebenar berkenaan agama Islam kepada masyarakat tempatan mahupun luar negara.




Lawatan bersejarah Presiden Amerika Syarikat Barrack Obama ke Masjid Negara pada 27 April 2014



Masjid Negara
diisyiharkan sebagai
Tapak Warisan
Kebangsaan oleh
Jabatan Warisan
Negara pada tahun
2007







DARUL QURAN

NO GERAN: HSD 3280, PT 617 & HSD 3281, PT 39

Pada 1966, Maahad Tahfiz dan Kira'ah Al-Quran ditubuhkan dan ditempatkan di Masjid Negara.

Pada tahun 1992, Maahad Tahfiz dipindahkan ke Taman Tun Dr. Ismail (penempatan pelajar lelaki) dan Jalan Ledang (penempatan pelajar perempuan).

Pada tahun 1994, Maahad Tahfiz dipindahkan ke Batu 14 Sg. Semungkis Hulu Langat Selangor (penempatan pelajar lelaki) dan Taman Tun Dr. Ismail (penempatan pelajar perempuan).

Pada tahun 1997, Maahad Tahfiz dinaik taraf sebagai Darul Quran dan pada 1 November 1998 ditempatkan di kampus tetap di Kompleks Darul Quran di Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu, Selangor.

Pada permulaan Kompleks Darul Quran dibina di atas tanah berkeluasan 2.83 hektar dan diperluaskan pembinaannya dengan keluasan 79.32 hektar. Idea penubuhan Institut Pengajian al-Quran di Malaysia dizahirkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.





SEJARAH PENUBUHAN

Penubuhan Darul Quran bermula pada tahun 1966 apabila Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj melahirkan hasrat untuk mewujudkan sebuah Institut Pengajian al-Quran di Malaysia. Hasrat ini telah dinyatakan sewaktu perasmian Masjid Negara yang mana idea ini timbul ekoran daripada Musabaqah Al-Quran yang diadakan semenjak tahun 1960 serta lawatan Rektor Universiti Al-Azhar Sheikh Mahmud Syaltut di perasmian Masjid Negara.

Sebagai permulaan, Maahad Tahfidz dan Kira'ah Al-Quran ditubuhkan sebagai salah satu unit di Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kuala Lumpur.

Pada 1 Mac 1966, kelas pengajian dalam bidang Tahfiz al-Quran telah dimulakan di dewan syarahan Masjid Negara dengan bilangan pelajar seramai lapan orang yang dipilih dan dihantar oleh negeri-negeri di Malaysia.

Dari tahun 1966 hingga tahun 1978 pengajian ini diletakkan di bawah kelolaan Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara dan Urus setia Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, pada tahun 1972 institusi ini diberi nama “Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat”.

Awal tahun 1979, Maahad Tahfiz diletakkan pula di bawah kelolaan Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Ugama, JPM sehingga tahun 1980. Setelah itu, Maahad Tahfiz dipindahkan ke Bangunan JKR 588/33, Jalan Chenderasari, Kuala Lumpur dan kemudiannya diletakkan di bawah kelolaan Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri sehingga tahun 1983.

Sehinggalah pada tahun 1984, Maahad Tahfiz telah lahir sebagai sebuah cawangan di Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri dengan organisasinya yang tersendiri.



Gambar pelajar awal Maahad Tahfidz dan Kira'ah Al-Quran (kini dikenali sebagai Darul Quran)

Pada tahun 1992, Maahad Tahfiz kemudiannya dipindahkan ke Taman Tun Dr. Ismail bagi penempatan pelajar lelaki dan pelajar perempuan pula ditempatkan di Jalan Ledang. Pada tahun 1994 pelajar

perempuan kemudiannya dipindahkan ke Taman Tun Dr. Ismail, manakala pelajar lelaki dipindahkan ke Batu 14, Sg. Semungkis Hulu Langat, Selangor.

Pada tahun 1997, Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat telah dinaik taraf sebagai salah satu bahagian di JAKIM dan diberi nama Darul Quran. Seterusnya, pada

1 November 1998 Darul Quran ditempatkan ke kampus tetap di Kompleks Darul Quran di Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu, Selangor.



Penempatan pelajar perempuan di Jalan Ledang, Kuala Lumpur



PENGETUA/PENGARAH

Bilangan	Nama	Tahun Berkhidmat
Pertama	Dato' Haji Mohd Nor bin Ibrahim	1966 – 1968
Kedua	Dr. Syed Ali Mahfuz Ad-Damanhuri	1969
Ketiga	Sheikh Hassan bin Ismail	1970 – 1978
Keempat	Dato' Abu Hasan bin Din	1979
Kelima	Haji Salleh bin Jaafar	1979
Keenam	Haji Salehuddin bin Omar	1980 – 1993
Ketujuh	Haji Ariffin bin Harun	1986
Kelapan	Haji Wan Mohamad bin Haji Sheikh Abdul Aziz	1994 – 1999
Kesembilan	Dato' Haji Kamaruddin bin Zakaria	2000 – 2002
Ke-10	Haji Razali bin Shahabudin	2002 – 2005
Ke-11	Haji Murni bin Awang Mat	2005 – 2008
Ke-12	Haji Che Ibrahim bin Che Man	2008 – 2010
Ke-13	Haji Paimuzi bin Yahya	2010 – 2013
Ke-14	Hajah Zawanah binti Muhammad	2013 – 2015
Ke-15	Dr. Haji Nordin bin Ahmad	2015 – Kini

KEMUDAHAN DARUL QURAN

Darul Quran sebagai institusi pengajian yang dilengkapi dengan infrastruktur dan kemudahan asas seperti blok pentadbiran, dewan muktamar, auditorium, masjid, bilik-bilik kuliah, perpustakaan, asrama dan dewan makan. Turut disediakan kuarters pegawai dan kakitangan.





Blok Pentadbiran Darul Quran



Dewan Muktamar berfungsi sebagai pusat aktiviti Darul Quran



Istiadat Konvokesyen Darul Quran







Auditorium Syeikh Mohd Nor digunakan untuk pelbagai program Darul Quran



Asrama banat (perempuan) dinamakan Sayyidatina Khajidah



Kemudahan kuarters bagi pegawai dan kakitangan Darul Quran



Ruang solat utama masjid



Blok asrama banin (lelaki) dinamakan al-Jazari dan as-Syatibi



Perpustakaan Darul Quran



Ruang kemudahan komputer



Ruangan membaca di perpustakaan
Darul Quran



Dewan makan

PROGRAM PENGAJIAN DI DARUL QURAN

Sepanjang tahun 1966 hingga 2019, institusi ini telah melahirkan seramai 8995 graduan dalam pelbagai program seperti Diploma Tahfiz al-Quran, Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM, Program Sijil Asas Tahfiz (OKUMP, Orang Asli, Muallaf, Etnik Sabah & Sarawak, Luar Negara), Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah USIM-DQ, Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UNITEN dan sebagainya.



Masjid Darul Quran
atau Pusat Islam





Darul Quran merupakan pusat pengajian terulung di Malaysia dalam melahirkan para huffaz



Darul Quran juga menawarkan sijil tahfiz kepada pelajar OKU penglikhatan





INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA (ILIM) KAMPUS BANGI

NO GERAN: GRN 188209, LOT 1

Pada April 1974, Institut Dakwah dan Latihan Islam Malaysia (INDAH) telah ditubuhkan.

Setelah BAHEIS dinaik taraf kepada JAKIM, INDAH telah distrukturkan semula kepada tiga bahagian baharu iaitu Bahagian Dakwah, Bahagian Latihan dan ILIM.

Pada 1997 ILIM telah ditubuhkan dan mula beroperasi pada Julai 1999.









SEJARAH PENUBUHAN

Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) telah ditubuhkan pada 1 Januari 1997. Sebelum itu ia dikenali sebagai Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH), Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri (JPM). INDAH ditubuhkan pada April 1974. Penubuhan INDAH adalah memenuhi hasrat dan cita-cita umat Islam di Malaysia yang ingin melihat penubuhan sebuah institut latihan yang bertanggungjawab melaksanakan program latihan di peringkat pusat.

INDAH ditubuhkan hasil daripada Persidangan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Keenam pada 16 Disember 1971 yang dipengerusikan oleh YAB Tun Abdul Razak bin Haji Hussein, Perdana Menteri Malaysia yang Kedua.

ILIM merupakan institut yang bertanggungjawab menyediakan kursus, seminar dan latihan kepada Pegawai Perkhidmatan Hal Ehwal Islam dari agensi agama Islam seluruh Malaysia.

Seiring dengan penjenamaan Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) kepada Jabatan

Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), maka pada 1 Januari 1997, INDAH telah dikembangkan fungsinya kepada tiga bahagian iaitu Dakwah, Latihan dan ILIM.

ILIM mula beroperasi di Bandar Baru Bangi Selangor mulai Julai 1999 dengan penubuhan dua pusat pengajian iaitu:

- a. Pusat Pengajian Hal Ehwal Islam (PPHEI)
- b. Pusat Pengajian Undang-Undang dan Mahkamah Syariah (PPUMS)

Selaras dengan perkembangan struktur organisasi dan pertambahan perjawatan baharumulai Disember 2018, ILIM mempunyai tiga kluster yang bertanggungjawab melaksanakan program latihan iaitu:

- a. Kluster Ilmu Turath dan Tamadun Islam
- b. Kluster Kecemerlangan Kepemimpinan Islam
- c. Kluster Kepakaran Pengurusan Hal Ehwal Islam

Kehebatan ILIM dalam merealisasikan visi, misi, fungsi dan objektif adalah hasil kepimpinan dan komitmen tinggi pengarah terdahulu dan sekarang. Sejak ditubuhkan, ILIM telah diterajui oleh 10 orang pengarah iaitu:

Bilangan	Nama	Tahun Berkhidmat
Pertama	Haji Abdullah Fahim bin Abdul Rahman	1998
Kedua	Haji Md. Zaki bin Ab. Manan	1999 – 2004
Ketiga	Datuk Haji Ahmad Mustafa bin Haji Karim	2005 – 2007
Keempat	Haji Paimuzi bin Yahya	2007 – 2010
Kelima	Che Ibrahim bin Che Man	2010 – 2011
Keenam	Hajah Pauzaiyah binti Haron	2011 – 2015
Ketujuh	Hajah Zawanah binti Muhammad	2015 – 2016
Kelapan	Hajah Zaiton binti Abd. Rahman	2016 – 2018
Kesembilan	Hajah Zawanah binti Muhammad	2019 – 2019
Ke-10	Dato' Selamat bin Paigo	2019 – Kini

Senarai Pengarah ILIM

KEMUDAHAN ILIM KAMPUS BANGI

ILIM sebagai pusat latihan Islam yang dilengkapi dengan infrastruktur dan kemudahan asas seperti blok pentadbiran, dewan, auditorium, surau, bilik-bilik kuliah, perpustakaan, asrama dan dewan makan. Turut disediakan kuarters pegawai dan kakitangan.

Dewan Datuk Mohd Shahir menjadi tempat penganjuran pelbagai program





Ruang dalaman dewan yang luas dan selesa mampu menampung 400 orang peserta



Auditorium al- Syafie yang berkapasiti 200 orang peserta



Bilik Kuliah yang boleh digunakan bagi program latihan dan kursus



Surau Salahuddin al-Ayubi yang boleh memuatkan 400 orang jemaah



Kemudahan perpustakaan ILIM



Moot Court yang boleh memuatkan 40 orang peserta



Kemudahan asrama yang selesa bagi para peserta









JAKIM CAWANGAN SABAH

Pada tahun 1978 JAKIM mula bertapak di Sabah dengan menghantar dua orang pegawai yang ditempatkan di Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) dan Pusat Penyelidikan Islam (PPI) Bahagian Ugama, JPM.

Pada tahun 1984, BAHEIS Bahagian Sabah ditubuhkan dan ditempatkan di Wisma MUIS pada 1985.

Pada tahun 1 Januari 1997, BAHEIS Bahagian Sabah dinaik taraf sebagai JAKIM Cawangan Sabah.

Pada tahun 2007, JAKIM Cawangan Sabah mula beroperasi di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Negeri Sabah.





Bangunan Kompleks
Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan Negeri
Sabah menempatkan
JAKIM Cawangan
Sabah





SEJARAH PENUBUHAN

Pada 1978, JAKIM mula bertapak di Sabah dengan menghantar dua orang pegawai yang ditempatkan di INDAH dan PPI Bahagian Ugama, JPM. Pada tahun 1984, BAHEIS Bahagian Sabah ditubuhkan, seterusnya ditempatkan di Wisma MUIS pada 1985. Kemudian pada tahun 1 Januari 1997, BAHEIS Bahagian Sabah dinaik taraf sebagai JAKIM Cawangan Sabah. Pada tahun 2007, JAKIM Cawangan Sabah mula beroperasi di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Negeri Sabah.


Bangunan Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Negeri Sabah mula dibina pada tahun 2001 hingga 2006 dan beroperasi pada tahun 2007. Bangunan ini bertujuan untuk menempatkan jabatan atau agensi kerajaan persekutuan bagi memudahkan rakyat berurus di satu lokasi berpusat.

Pejabat JAKIM Cawangan Sabah

JAKIM Cawangan Sabah turut menyumbang kepada pembangunan Islam Sabah hasil kepimpinan dan komitmen tinggi pengarah terdahulu dan sekarang. Bermula pada tahun 1978, JAKIM Cawangan Sabah telah diterajui oleh 15 orang pengarah iaitu:

Bilangan	Nama	Tahun Berkhidmat
Pertama	Tuan Haji Mohd Saman bin Awang	1978 – 1982
Kedua	Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib	1983 – 1984
Ketiga	Tuan Haji Mohd Saman bin Awang	1985 – 1989
Keempat	Tuan Haji Sulaiman bin Endut	1989 – 1992
Kelima	Datuk Haji Mohd Amin bin Haji Salleh	1992 – 1996
Keenam	Tuan Haji Md. Zaki bin Haji Abdul Manan	1996 – 1998
Ketujuh	Tuan Haji Isa @ Man bin Ismail	1998 – 2001
Kelapan	Datuk Haji Ahmad Mustafa bin Haji Karim	2001 – 2004
Kesembilan	Dato Paimuzi bin Yahya	2005 – 2007
Ke-10	Dato Abdul Aziz bin Che Yacob	2005 – 2009
Ke-11	Aziz bin Haji Mohamad	2009 – 2011
Ke-12	Tuan Ahmad Zaki @ Ahmad Jakai bin Haji Arshad	2011 – 2013
Ke-13	Tuan Haji Halim bin Ahmad	2013 – 2015
Ke-14	Tuan Haji Mat Radzi bin Haji Mat Ali	2015 – 2018
Ke-15	Tuan Haji Norjeli bin Haji Dais	2018 – kini

Senarai Pengarah JAKIM Cawangan Sabah



Sekitar ruang pejabat JAKIM Cawangan Sabah





JAKIM CAWANGAN SARAWAK

Pada September 1978 JAKIM mula bertapak di Sarawak dengan menghantar empat orang pegawai yang ditempatkan di Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH). Pada tahun 1984, BAHEIS Cawangan Sarawak ditubuhkan.

Pada tahun 1997, BAHEIS Cawangan Sarawak dinaik taraf sebagai JAKIM Cawangan Sarawak. Pejabat asal JAKIM Cawangan Sarawak terletak di Bangunan Baitulmal, Mechunma Kuching.

Seterusnya, pejabat ini dipindahkan ke Kompleks Islam Sarawak pada Januari 2014. Dirasmikan pada 16 September 2013 oleh Yang di-Pertuan Agong XIV Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah.





Kompleks Islam Sarawak dimiliki oleh Majlis Agama Islam Sarawak yang menempatkan JAKIM Cawangan Sarawak dan menjadi mercu tanda kemajuan Islam di Sarawak

SEJARAH PENUBUHAN

Penubuhan Kompleks Islam Sarawak merupakan cetusan idea asal oleh Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Penubuhan kompleks ini merupakan mercu tanda perpaduan dan semangat kesepuanyaan masyarakat Islam Sarawak.

PERASMIAN PREMIS

Kompleks Islam Sarawak telah dirasmikan pada 16 September 2013 oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Almarhum Al-Sultan Al-Mu'tassim Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah.

KEUNIKAN SENI BINA

Kompleks Islam Sarawak telah dibina dengan reka bentuk terkini mengikut ciri-ciri Islam dan tempatan. Kompleks yang dibina di atas tapak berkeluasan 0.84 hektar, mempunyai 17 tingkat yang merangkumi 13 tingkat ruang pejabat, empat tingkat podium untuk ruang perniagaan dan perbankan, dewan serba guna yang boleh memuatkan seramai 2000 orang dan lain-lain kemudahan.


Keunikan prasarana ini terbentuk daripada kesenian Islam tradisional, indah lagi menarik yang diadaptasi dari pelbagai negara. Reka bentuk kompleks ini menampilkan ciri-ciri kontemporari moden yang tidak menggenepikan ciri-ciri tempatan negeri Sarawak. Menaranya yang mempunyai 17 tingkat menyamai rakaat solat fardu iaitu Subuh, Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak. Reka bentuk bumbung yang dihiasi lima kubah adalah sebahagian manifestasi Rukun Islam.







Ruang menunggu bagi pelawat yang berkunjung ke JAKIM Cawangan Sarawak




Bilik Mesyuarat Utama, JAKIM Cawangan Sarawak



Ruang menunggu di pejabat Pengarah JAKIM Cawangan Sarawak



Ruang pejabat



INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH (IPDAS)

NO GERAN: CL 135325807

**DAHULU DIKENALI SEBAGAI PUSAT LATIHAN
DAKWAH KENINGAU (PLDK)**

Mula dibangunkan pada Oktober 1979 di bawah pengurusan
Kerajaan Negeri Sabah.

Pada 1984 pusat latihan ini diserahkan kepada BAHEIS, JPM.

Pada 20 Oktober 2012, PLDK ditukar nama kepada IPDAS.





SEJARAH PENUBUHAN

Sejarah penubuhan Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) atau dahulunya dikenali sebagai Pusat Latihan Dakwah Keningau (PLDK) telah bermula pada 10 Oktober 1979 dan dikendalikan oleh Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS).

Pada 1 Januari 1984, pusat-pusat latihan dakwah di bawah pengurusan kerajaan negeri Sabah termasuk Pusat Latihan Dakwah Keningau, Sikuati dan Tongod telah diserahkan oleh Kerajaan Negeri Sabah kepada Kerajaan Persekutuan. Ketua Menteri Sabah ketika itu YAB Datuk Harris Mohd. Salleh menyerahkan pusat-pusat latihan dakwah ini kepada YAB Dato' Musa Hitam, Timbalan Perdana Menteri dan diuruskan oleh BAHEIS yang kini dikenali sebagai JAKIM.

PROGRAM PENGAJIAN DI IPDAS

PLDK pada awalnya menawarkan pendidikan agama Islam secara intensif selama enam bulan kepada saudara-saudara baru untuk mengenal Islam sebagai satu cara hidup. Walau bagaimanapun, pada tahun 1993, berlaku rombakan proses pengajian yang mana tempoh enam bulan pengajian dipanjangkan kepada satu tahun sebagai pengukuhan kepada Kursus Asas Kefahaman Islam dan tiga tahun pengajian untuk Kursus Tafaqquh (Lanjutan) Kefahaman Islam.

Setelah itu, pada 28 Jun 2009, PLDK telah melaksanakan Program Diploma Pengajian Islam dan Dakwah secara berkembar dengan Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS). Pada April 2016, IPDAS telah diberi kelayakan untuk menawarkan Program Diploma Dakwah Islamiyyah oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).



Pada 20 Oktober 2012, sempena Majlis Konvokesyen PLDK kali ke-10, institusi ini telah dinaik taraf sebagai Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) oleh YB Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sementara itu, pada Disember 2018, JAKIM telah melaksanakan penstrukturkan semula jabatan dan telah meletakkan IPDAS sebagai salah satu bahagian di bawah Pejabat Ketua Pengarah serta menggabungkan PLD Kudat di bawah satu pentadbiran yang sama.

Antara program pengajian terkini dilaksanakan IPDAS ialah:

- a. Program Diploma Dakwah Islamiyyah
- b. Sijil Pengajian Islam dan Dakwah
- c. Sijil Asas Pengajian Islam dan Dakwah (SAPID)

Jumlah pelajar yang sedang mengikuti pengajian di IPDAS adalah seramai 535 pelajar. Selama 40 tahun berbakti kepada Kerajaan Sabah, IPDAS telah berjaya melahirkan graduan seramai 9148 orang. IPDAS telah memenuhi keperluan tenaga

manusia dalam bidang pendidikan dan dakwah seperti Penyelia KAFA, Guru KAFA, Penggerak Dakwah Masyarakat, Imam, Guru Takmir dan Guru Agama di madrasah-madrasah dan Maahad Tahfiz di seluruh Sabah. Selain itu, terdapat juga dalam kalangan graduan yang menjadi usahawan dan peniaga. Uniknya mereka masih berpegang teguh dengan amal Islami yang diterapkan di IPDAS.





VISI

IPDAS membentuk insan beriman yang memahami, merealisasi dan dapat menyebar luas semua aspek ajaran Islam berdasarkan Al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad SAW.

MISI

Menyediakan kemudahan pembelajaran bersepadu yang merangkumi ilmu fardhu ain, fardhu kifayah dan ilmu kemahiran vokasional untuk melahirkan graduan yang berketrampilan dan berwibawa.



JAKIM Cawangan Sabah turut menyumbang kepada pembangunan Islam Sabah hasil kepimpinan dan komitmen tinggi pengarah terdahulu dan sekarang. Bermula pada tahun 1978, JAKIM Cawangan Sabah telah diterajui oleh 15 orang pengarah iaitu:

Impak dari perkembangan IPDAS, jumlah penganut Islam di Sabah telah meningkat kepada 65 peratus dan kualiti penghayatan Islam dalam kalangan orang Islam juga meningkat hasil daripada komitmen 10 orang pengarah yang berdedikasi:

Bilangan	Nama	Tahun Berkhidmat
Pertama	Tuan Haji Ngadiran bin Anwas (MUIS)	1979 – 1984
Kedua	Ustaz Zaabar bin Yusuf	1984 – 1986
Ketiga	Ustaz Ramli bin Endut	1987 – 1996
Keempat	Ustaz Che Mat bin Che Deraman	1996 – 1999
Kelima	Ustaz Mahyuddin bin Haji Ahmad Rusdi	1999 – 2001
Keenam	Tuan Haji Ghazali bin Haji Saad	2002 – 2004
Ketujuh	Tuan Haji Ayob bin Yaacob	2004 – 2008
Kelapan	Ustaz Syed Abdullah Al-Jefry bin Syed Maamor	2008
Kesembilan	Ustaz Norjeli bin Haji Dais	2008 – 2012 hingga 2016 – 2018
Ke-10	Ustaz Mohamad Zamri bin Mohamed Shapik	2018 – Kini

Senarai Pengarah IPDAS

KEMUDAHAN IPDAS



Antara kemudahan yang terdapat di IPDAS




Bangunan Pentadbiran IPDAS pada tahun 1979





Antara aktiviti pelajar di IPDAS



INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH (IPDAS) KAMPUS KUDAT

NO GERAN: PL 056290165

**DAHULU DIKENALI SEBAGAI PUSAT LATIHAN
DAKWAH SIKUATI/KUDAT (PLDK)**

Mula dibina pada 1979 oleh Kerajaan Negeri Sabah
di atas tanah seluas 20 hektar.

Pada 1984 pusat latihan ini diserahkan kepada
BAHEIS, JPM.

Pada 20 Oktober 2012, PLDK ditukar nama kepada
IPDAS Kampus Kudat.





SEJARAH PENUBUHAN

Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) Kampus Kudat dahulunya dikenali sebagai Pusat Latihan Dakwah Kudat (PLDK). Mula dibina pada tahun 1979 oleh Kerajaan Negeri Sabah. PLDK terletak berdekatan Pekan Sikuati Kudat, sejauh satu km dari Pekan Kudat dan 165 km dari Kota Kinabalu. Institusi ini dapat dihubungi melalui jalan darat, laut dan udara. Kewujudan pusat latihan ini adalah bagi memberi pendidikan atas Islam khususnya kepada saudara baru yang memeluk Islam. Semasa penubuhan sehingga tahun 1984, pusat latihan ini berada di bawah pentadbiran Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS).

Namun pada tahun 1984, PLDK ini diserahkan pengurusannya kepada Bahagian Hal Ehwal Islam Cawangan Sabah (BAHEIS) Jabatan Perdana Menteri. Dengan penyerahan ini tenaga pengajar dan pengurusan institusi diserap dalam Perkhidmatan Hal Ehwal Islam secara kontrak atau tetap.



Pada tahun ini kompleks baru bagi PLDK mula dibina yang terdiri daripada bangunan pentadbiran tiga tingkat, bangunan bilik kuliah tiga tingkat, dewan serba guna, surau, dewan makan, bangunan asrama lelaki dua tingkat, asrama perempuan dua tingkat, rumah penginapan, kuarters pegawai dan kakitangan serta bangunan kantin.

Sejak beroperasi dari tahun 1979, PLDK telah berjaya melahirkan lebih 5500 orang pelajar lepasan Sijil Asas Pengajian Islam dan Dakwah. Bermula tahun 2003 sehingga sekarang, setiap tahun seramai 200 orang pelajar diambil bagi mengikuti program pengajian Sijil Asas Pengajian Dakwah. Pada ketika ini, seramai 210 orang pelajar sedang mengikuti program berkenaan. Kekuatan Asas Pengajian Islam dan Dakwah kepada para pelajar PLDK sentiasa dipertingkatkan agar mereka juga berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat diploma melalui program Sijil Pengajian Islam atau Diploma

di IPDAS atau IKMAS di Sarawak atau institusi – institusi lain.

Pada awal tahun 2019, PLDK telah mengalami perubahan struktur di mana PLD Kudat digabung di bawah pentadbiran IPDAS di Keningau. PLDK dijenamakan sebagai IPDAS Kampus Kudat yang diketuai oleh seorang pengetua. Hala tuju IPDAS Kampus Kudat kini telah berubah sejajar dengan perkembangan pendidikan tanpa meminggirkan semangat perjanjian pada tahun 1983 dan keperluan saudara baru dalam pendidikan masa kini. Pendidikan di IPDAS Kampus Kudat memfokuskan pengajian asas pendidikan saudara baru dan kemahiran melalui penggunaan standard di bawah *National Occupational Skill Standard* (NOSS) yang bermatlamat melahirkan saudara baru yang berjiwa rabbani dan mampu berdikari untuk meneruskan kelangsungan hidup dan kelestarian dakwah di Sabah.

Barisan Pengetua IPDAS Kudat yang telah menyumbang kepada perkembangan Islam di Sabah ialah:

Bilangan	Nama	Tahun Berkhidmat
Pertama	Drs. Anas bin Dalimuntil (MUIS)	1981 – 1982
Kedua	Ustaz Sholeh bin Macshoni (MUIS)	1982 – 1983
Ketiga	Ustaz Wahab Sakrani bin Haji Ahmad	1983 – 1984
Keempat	Ustaz Wan Halim bin Wan Harun	1984 – 1985
Kelima	Ustaz Mahyuddin bin Haji Ahmad Rusdi	1985 – 1987
Keenam	Ustaz Musa bin Jusuh	1987 – 1994
Ketujuh	Ustazah Saimah binti Moktar	1995 – 1999
Kelapan	Ustaz Norjeli bin Haji Dais	2000 – 2006
Kesembilan	Ustaz Nasrun bin Abdullah	Oktober – Disember 2006
Ke-10	Ustazah Wan Najmiah binti Wan Mohd Ali	2007 – 2014
Ke-11	Ustaz Nik Ismail bin Jusoh	2015 – 2018
Ke-12	Ustaz Mohd Zul Fadhl bin Abd Rasit	2019 Sekarang

Pengetua IPDAS Kampus Kudat



KEMUDAHAN IPDAS KAMPUS KUDAT



1979



2002

Bangunan akademik lama dan baharu




1979



2002

Surau lama dan baharu



Dewan utama



Kuarters pegawai dan kakitangan lama




Kuarters pegawai dan kakitangan baru





Sesi pembelajaran pelajar IPDAS Kampus Kudat



INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA (ILIM) KAMPUS KUNDASANG

**DAHULU DIKENALI SEBAGAI PUSAT LATIHAN
DAKWAH KUNDASANG**

Pusat Latihan Dakwah Kundasang dibina pada tahun 1984 oleh Kerajaan Negeri Sabah.

Pada tahun 1987, pusat ini diserahkan kepada Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), JPM.






SEJARAH PENUBUHAN

Insitut Latihan Islam Malaysia Kampus Kundasang dahulunya dikenali sebagai Pusat Latihan Dakwah Kundasang (PLDK) yang dibina oleh Kerajaan Negeri Sabah dan ditadbir oleh Majlis Ugama Islam Sabah pada tahun 1984. Penubuhannya bertujuan untuk dijadikan pusat pemulihan dadah, namun hasrat tersebut tidak dapat dilaksanakan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Pada tahun 1987, MUIS telah menyerahkan kompleks pusat latihan ini kepada BAHEIS, JPM dengan tujuan digunakan sebagai Pusat Latihan Dakwah.

Pada tahun 1992, dengan peruntukan sebanyak RM 700 000.00 daripada bantuan Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah (JPPS) dan Unit Perancangan Ekonomi (UPEN), kompleks tersebut telah dibaik pulih dan dibina semula. Walau bagaimanapun pada tahun 2001, kompleks ini telah dilanda ribut dan mengakibatkan kerosakan yang teruk.





Maka pihak JAKIM telah mengambil keputusan untuk membina semula PLDK dengan kos RM15 juta serta penambahan beberapa bangunan baru seperti dewan makan, rumah tetamu dan penginapan peserta yang lebih selesa. Projek ini siap dibina pada September 2006 dan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2007.

PLDK kemudiannya telah dikenali sebagai Pusat Latihan Islam Kundasang bagi membezakan di antara IPDAS Kudat dan Keningau yang mana program latihan yang dijalankan merupakan kursus dan latihan jangka pendek. Pada akhir Disember 2018 pusat ini telah dijadikan sebahagian daripada ILIM dan dikenali sebagai ILIM Kampus Kundasang.





Pengetua/Pengarah ILIM Kampus Kundasang:

Bilangan	Nama	Tahun Berkhidmat
Pertama	Haji Ahmad bin Abu Bakar	1987-1991
Kedua	Ustaz Hussin bin Rejab	1991-1993
Ketiga	Haji Muzaini bin Abd Rashid	1993-1997
Keempat	Ustaz Mohd Shahadin bin Tinik	1999-2004
Kelima	Haji Anuar Hakim bin Mohd Salleh	2003-2005
Keenam	Ustaz Subki bin Hj Ghazali	2005-2006
Ketujuh	Haji Anuar Hakim bin Mohd Salleh	2006-2009
Kelapan	Ustaz Baharuddin bin Othman	2009-2010
Kesembilan	Ustaz Nasrun bin Abdullah	2011-2013
Ke-10	Ustaz Saiful Mukharrom bin Mohd Tahirir	2013-2018
Ke-11	Ustaz Nik Ismail bin Jusoh	2019-kini

KEMUDAHAN ILIM KAMPUS KUNDASANG

Antara kemudahan asas yang terdapat di ILIM Kampus Kundasang adalah seperti blok pentadbiran, bilik kuliah utama,

bilik sindiket, dewan jamuan dan blok penginapan yang boleh memuatkan 96 orang peserta.





Blok pentadbiran dan penginapan ILIM Kampus Kundasang



Antara aktiviti yang dijalankan di ILIM Kampus Kundasang





INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK (IKMAS)

NO GERAN: 01 LCLS 008 006 00746, LOT 746

Idea penubuhan institusi ini diputuskan oleh Mesyuarat Menteri-Menteri Agama Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) kali kelima pada 3 – 4 Ogos 1994.

Mesyuarat Jemaah Menteri Malaysia pada 21 September 1994 bersetuju untuk membina IKMAS di Kampung Telaga Air, Kuching, Sarawak di atas tapak berkeluasan 15 hektar.

Mula beroperasi pada tahun 2000 dan dirasmikan pada 12 September 2001 oleh YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak.





SEJARAH PENUBUHAN

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Cawangan Sarawak lahir daripada persetujuan Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) kali kelima pada 3 hingga 4 Ogos 1994 di Langkawi, Kedah. Lanjutan daripada pertemuan tersebut, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 September 1994 bersetuju dengan penubuhan IKMAS yang dibina di Kampung Telaga Air, Kuching, Sarawak. IKMAS terletak di kawasan seluas 15 hektar, kira-kira 26 km dari Bandar Kuching.

Pada awal penubuhan, IKMAS dikenali sebagai Madrasah Pesantren ASEAN. Namun telah ditukar kepada nama baru iaitu Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) pada tahun 1999 kerana kos pengurusan IKMAS dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia.

IKMAS mula beroperasi sepenuhnya pada tahun 2000 dengan kekuatan seramai 13 orang kakitangan yang terlibat dalam menjalankan program pengajaran dan pembelajaran. Manakala pengambilan pelajar pertamanya berjumlah 60 orang. Sehingga 2019, IKMAS telah melahirkan seramai 9153 graduan.

BOLEH KAMI MEMBANTU ANDA

IKMAS



MAJLIS PERASMIAN KOMPLEKS JAKIM SARAWAK

Majlis Perasmian Kompleks JAKIM Sarawak (Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak dan Pusat Latihan Sarawak) disempurnakan oleh TYT Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Abdul Taib Mahmud yang ketika itu menjawat jawatan sebagai Ketua Menteri Sarawak pada 12 September 2001 bersamaan 24 Jamadilakhir 1422H.

KEJAYAAN IKMAS

Sehingga kini IKMAS telah melahirkan seramai 845 graduan yang mengikuti pengajian Diploma Pengajian Islam (DPI), Persijilan Asas Pengajian Islam (PERAPI) dan terbaru IKMAS telah berjaya memperkenalkan Diploma Tahfiz al-Quran wa Dakwah. Kedua-dua diploma ini telah mendapat pengiktirafan daripada MQA dan diiktiraf setaraf dengan diploma biasa dari universiti-universiti tempatan yang lain bagi maksud pelantikan dalam perkhidmatan awam.



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) JAKIM DENGAN MARA

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara JAKIM dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) disaksikan oleh YB Dato' Dr. Abdullah bin Md Zin Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 21 Ogos 2004 bersamaan 9 Rejab 1425H.



MAJLIS PERASMIAN BENGKEL BINAAN IKMAS

Majlis Perasmian Bengkel Binaan Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak telah disempurnakan oleh YBhg. Tuan Haji Che Min bin Che Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 9 Mac 2002 bersamaan 24 Zulhijjah 1422H.







Aktiviti-aktiviti pelajar IKMAS



Majlis Konvokesyen IKMAS



INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA (ILIM) KAMPUS JELEBU

NO GERAN: 149543, LOT 9099

DAHULU DIKENALI SEBAGAI PUSAT PEMANTAPAN AKIDAH

Pusat Pemantapan Akidah (PPA) dibina pada tahun 1996.
Mula beroperasi pada tahun 1999.

Pada 18 Mac 2015, Mesyuarat Pengurusan JAKIM telah bersetuju agar PPA dijenamakan semula setelah mempertimbangkan semua aspek dan peranan yang perlu dilaksanakan. Oleh yang demikian, PPA secara rasmi telah dinamakan sebagai Institut Pemantapan dan Perkaderan Akidah Malaysia (IPHAM).

Pada Disember 2018, seiring dengan perubahan struktur yang dilaksanakan oleh JAKIM, IPHAM telah dijadikan sebahagian daripada ILIM dan dikenali sebagai ILIM Kampus Jelebu.





SEJARAH PEMBINAAN

Institut Latihan Islam Malaysia Kampus Jelebu yang pada awal penubuhannya dikenali sebagai Pusat Pemulihan Akidah (PPA) merupakan salah sebuah institusi yang ditubuhkan oleh kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Institusi ini bertanggungjawab untuk memulih individu atau kumpulan yang telah disabitkan kesalahan kerana terpengaruh dengan ajaran sesat agar kembali insaf dengan mengamalkan semula ajaran Islam sebagaimana yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW.

Pusat yang dibina pada tahun 1996 dan mula beroperasi pada tahun 1999 ini telah dibangunkan di atas kawasan seluas 4 hektar terletak di Lot No. 720, Mukim Gelami Lemi, Jelebu Negeri Sembilan.

Pada tahun 2007, Mesyuarat Pengurusan JAKIM yang bersidang pada 22 Januari 2007 telah memutuskan agar Pusat Pemulihan Akidah dijenamakan semula sebagai Pusat Pemantapan Akidah seiring dengan perubahan masa dan peranan yang perlu dilaksanakan.





Mercu tanda yang menyambut kehadiran peserta kursus

KEMUDAHAN ILIM KAMPUS JELEBU

ILIM Kampus Jelebu dilengkapi dengan infrastruktur dan kemudahan asas seperti blok pentadbiran, dewan, surau, bilik-bilik kuliah, perpustakaan, asrama dan dewan makan. Turut disediakan kuarters pegawai dan kakitangan.





Antara kemudahan yang terdapat di ILIM kampus Jelebu







MASJID PUTRA

NO GERAN: GRN 767, LOT 30

Masjid Putra mula dibina pada Jun 1997 dan diserahkan kepada JAKIM pada 1 September 1999. Nama Masjid Putra diinspirasikan sempena nama YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang Pertama.





SEJARAH PEMBINAAN

Masjid Putra mula dibina pada Jun 1997 dan diserahkan kepada JAKIM pada 1 September 1999. Nama Masjid Putra diinspirasikan sempena nama YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang Pertama.

Keindahan masjid yang terletak berhampiran Tasik Putra ini membuatkan pengunjung berasa tenang. Kedudukan masjid ini juga bersebelahan dengan blok Perdana Putra yang menempatkan Pejabat YAB Perdana Menteri Malaysia. Ini menggambarkan kaitan yang amat rapat antara pentadbiran kerajaan dan agama Islam yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam Perlembagaan Persekutuan.

Reka bentuk masjid ini telah diilhamkan daripada seni bina Parsi ketika zaman Safawee. Ini boleh dilihat pada aspek binaan kubah yang memenuhi ciri-ciri seni bina masjid tradisi di Timur Asia. Masjid ini terdiri daripada empat aras termasuk bumbung yang mana ketinggiannya menyamai bangunan 21 tingkat.

SENI BINA MASJID PUTRA

Aras Bawah Dua

Aras ini menjadi penghubung utama kepada siar kaki, iaitu jalan mengelilingi tasik. Di aras ini terdapat pelantar untuk para pengunjung menikmati udara nyaman dari tasik.



Aras Bawah Satu

Bahagian ini menempatkan pelbagai kemudahan seperti auditorium yang boleh memuatkan seramai 450 orang, dewan makan untuk 400 orang dan sebuah ruang legar pameran. Di sini turut ditempatkan pejabat utama Masjid Putra, tiga buah bilik kuliah, bilik pengurusan jenazah, tempat wuduk dan bilik air serta rumah kakitangan.

Dewan solat utama terletak di sini yang boleh memuatkan bilangan jemaah seramai 8000 orang pada satu masa. Pintu masuknya mempunyai reka bentuk berdasarkan struktur binaan Isfahan. Sebuah laman terbuka terbentang luas di antara ruang solat utama dan pintu masuk utama masjid. Laman terbuka serta pelantar sekeliling aras ini boleh menampung seramai 5000 jemaah lagi. Aras ini membawa konsep keterbukaan. Tiang berbentuk payung di aras ini direka supaya dapat memberikan perlindungan orang ramai daripada hujan dan panas serta pengaliran udara semulajadi. Konsep ini juga bertujuan menyambungkan antara saf dalam dan saf luar sekiranya jemaah terlalu ramai pada satu-satu masa.



Aras Bawah
Masjid Putra Yang
Menempatkan Dewan
Solat Utama





Aras Satu dan Bumbung

Bahagian ini mempunyai lapan buah kubah kecil yang membentuk empat penjuru dewan solat utama. Sebanyak 16 tudung konkrit mengelilingi aras ini. Puncak kubah dihiasi dengan mercu tajam mengarah ke langit.


Dewan solat wanita berada di aras satu yang menampung seramai 2 ribu jemaah. Keempat-empat aras ini dihubungkan oleh rangkaian tangga yang bermula dari tempat wuduk utama serta dua buah lif di kiri dan kanan pintu dewan solat utama.



Kubah Masjid Putra ini berwarna merah jambu dan reka bentuknya berkonsepkan tumbuhan seperti yang terdapat pada kubah-kubah masjid di Mesir. Ukiran dan hiasan dalaman kubah masjid ini pada keseluruhannya diilhamkan berdasarkan seni ukir tempatan







PUSAT LATIHAN SARAWAK (PLS)

NO GERAN: M3 16 22(5.2), LOT 747

Pusat Latihan Sarawak (PLS) pada mulanya beroperasi di Batu 12 Jalan Kuching-Serian, Sri Aman, Sarawak.

Kemudian lokasi PLS telah dipindahkan ke Kampung Telaga Air, Jalan Matang Kuching.

Kompleks ini dibina di atas tanah seluas 30 hektar dan mula beroperasi pada 1 Ogos 1997.

Perasmianya telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud, Ketua Menteri Sarawak.





SEJARAH PEMBINAAN


Pusat Latihan Sarawak (PLS) mula dibina pada 1 Ogos 1997 di Batu 12 Jalan Kuching-Serian, Sri Aman, Sarawak. Kemudian lokasi PLS telah dipindahkan ke Kampung Telaga Air, Jalan Matang Kuching. Kompleks ini dibina di atas tanah seluas 30 hektar dan mula beroperasi pada 1 Ogos 1997. Perasmiannya telah disempurnakan oleh YAB Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud, Ketua Menteri Sarawak.

PLS merupakan sebahagian daripada rancangan pembangunan JAKIM dalam rangka mewujudkan institusi latihan Islam yang lengkap dan moden. Penubuhannya juga bertujuan bagi memenuhi keperluan mengadakan pelbagai kursus dan latihan Islam di negeri Sarawak ke arah melahirkan pegawai agama, pendakwah, imam, pemimpin masyarakat, belia, masyarakat awam dan kakitangan perkhidmatan awam yang terlatih serta mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi dalam memberikan sumbangan yang berkesan terhadap pembangunan ummah dan negara.





Antara kemudahan yang terdapat di PLS



INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA (ILIM) KAMPUS LAHAD DATU

NO GERAN: 11200270, LOT 42

**DAHULU DIKENALI SEBAGAI PUSAT LATIHAN
ISLAM LAHAD DATU**

Projek pembinaan dimulakan pada Ogos 1999. Namun tergundala dan disambung semula pada tahun 2007.

Pusat latihan ini dibina di atas tapak berkeluasan 24 hektar di Silabukan, Lahad Datu yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Sabah.

Diserahkan kepada JAKIM pada 27 November 2008 dan mula beroperasi pada tahun 2009.





SEJARAH PENUBUHAN

Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Kampus Lahad Datu dahulunya dikenali sebagai Pusat Latihan Islam Lahad Datu. Pada tahun 1999, Kerajaan Negeri Sabah telah menganugerah sebidang tanah seluas 24 hektar di Silabukan, Lahad Datu. Pemberian ini adalah bertujuan untuk menubuhkan sebuah pusat latihan yang dapat memberi latihan kepimpinan dan kefahaman Islam bagi seluruh Pantai Timur Sabah. Projek pembinaan kompleks ini dimulakan pada bulan Ogos 1999 dengan kos RM16.878 juta. Kemudian pada tahun 2007 pembinaannya ditambah baik dengan kos sebanyak RM9.3 juta.

Pada 27 November 2008, YBhg. Encik Mohd Noor bin Abd Hamid, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JAKIM dengan rasminya menerima kompleks Pusat Latihan Islam Lahad Datu yang diserahkan oleh Pejabat Pembangunan Negeri Sabah (SDO). Bermula pada tahun 2009, pusat latihan ini telah melaksanakan operasi latihan di bangunan kompleks pusat latihan khususnya untuk kumpulan sasar di Pantai Timur Sabah.

Antara kemudahan asas yang terdapat di ILIM Kampus Lahad Datu adalah seperti yang berikut:

Kemudahan

- a. Pejabat Am
- b. Surau Ibnu Abbas
- c. Dewan de Palma
- d. Dewan Jamuan Davel
- e. Bilik ICT Yusuf al-Qardawi

Kemudahan Pembelajaran

- a. Bilik Kuliah Ibnu Rusyd
- b. Bilik Kuliah Ibnu Sina
- c. Bilik Kuliah Ibnu Haitam
- d. Bilik Kuliah Ibnu Khaldun
- e. Bilik Kuliah Ibnu Batutah
- f. Bilik LDK Ibnu al-Nafis
- g. Bilik LDK al-Farabi dijadikan pejabat pembersihan

Kemudahan Penginapan

- a. Blok Rafflesia
- b. Blok Tabin
- c. Blok Danum

Kediaman Pegawai dan Kakitangan

- a. Kuarters Pengetua
- b. Kuarters Pegawai
- c. Kuarters Pelaksana

Kemudahan Sukan

- a. Badminton
- b. Bola Tampar
- c. Takraw
- d. Bola Sepak
- e. Bola Jaring

KEMUDAHAN ILIM KAMPUS LAHAD DATU



Bilik Pengarah




Dewan de Palma ILIM Kampus Lahad Datu



Kemudahan asrama



Kemudahan kuarters



MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN

NO GERAN: HSD 7994, NO PT 12080

Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin mula dibina pada April 2004 oleh Perbadanan Putrajaya.

Penyerahan rasmi masjid kepada JAKIM pada 19 Ogos 2009. Dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIII, Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin ibn Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah pada 11 Jun, 2010.

Nama Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin diilhamkan sempena nama baginda.





SEJARAH PENUBUHAN

Masjid Tuanku Mizan muncul sebagai satu mercu tanda baharu di Putrajaya yang memulakan pembinaannya pada tahun 2004 oleh Perbadanan Putrajaya. Masjid yang terletak berhampiran Tasik Putrajaya di Presint 3 ini berkeluasan 4.04 hektar telah siap dibina pada 2009.

Masjid ini berkonsepkan reka bentuk moden dan kontemporari dan dibina menggunakan kira-kira 6000 tan besi keluli. Ini membuatkan 70 peratus binaan masjid ini berasaskan kepada besi manakala bahan konkrit digunakan untuk membina ruang letak kereta dan laluan pejalan kaki yang terletak bersebelahan masjid. Selebihnya ialah kawasan lantai jubin, kemasan seni bina luaran tahan karat, *aluminium*, *crystallised glass*, *granite* dan *spray granite*.

Reka bentuknya tanpa dinding yang digantikan dengan skrin *masyrabiyyah* separa tertutup. Skrin di sekeliling dewan solat utama ini terdiri daripada bahan tahan karat iaitu jenis *lattice* dan *architectural metallic waiving screen* yang membenarkan

laluan udara secara terus dari sekeliling tasik masuk ke dalam masjid.

Anyaman *masyrabiyyah* yang diimport khas dari Jerman itu merupakan jenis skrin yang sama digunakan di Stadium Bernabeu, iaitu stadium bola sepak pasukan Real Madrid dan juga pada ruang meletak buku setinggi 20 tingkat di Perpustakaan Negara di Paris serta sebuah ruang letak kereta di Barcelona.

Reka bentuk masjid ini berkonsepkan *airy, light and transparent*. Walaupun besi keluli menjadi bahan utama, namun ianya digunakan untuk membina kerangka masjid sahaja. Setiap tiang dikemaskin dengan bahan telus cahaya iaitu *crystalized glass* yang menyerlahkan masjid ini kelihatan berwarna putih jika dilihat dari jauh. Pada sebelah malam, simbahan cahaya lampu menambahkan lagi keindahannya.

Kubahnya diperbuat daripada besi tahan karat dan bahagian tepi bumbungnya sepanjang 13 meter pula mampu membuatkan jemaah bersolat di luar dewan solat dengan selesa.



Bumbung di Dewan
Solat Utama Masjid
Tuanku Mizan





Ketinggian siling di ruang dewan solat utama ialah 30 meter dari aras lantai. Suasana damai dan nyaman masih dirasa kerana angin sejuk dihasilkan melalui dinding yang mempunyai saliran air dari air kolam bertingkat mengelilingi bangunan. Saliran itu ditambah dengan penggunaan teknologi gas penyejukan udara yang memberi keselesaan kepada para jemaah dan pengunjung yang datang ke masjid ini. Kaligrafi nama-nama Allah diukir indah di kanan dan kiri dinding dewan utama serta ruang laman sahn sebelum sampai ke ruang solat utama. Ia bagi menyambut kedatangan pengunjung di pintu gerbang konkrit yang dibina menggunakan *glass reinforce concrete* (GRC).

Pada dinding mihrabnya pula terdapat tulisan ayat-ayat suci al-Quran daripada Surah al- Baqarah dan Surah Ibrahim yang dilakar pada panel kaca diimport khas dari Jerman setinggi 13 meter.

Selain kompleks masjid yang berkapasiti 12 ribu jemaah di dewan solat utama dan 8 ribu jemaah di ruangan *sahn*, masjid ini turut dilengkapi pelbagai kemudahan lain termasuk tiga unit kuarters dua tingkat, 10 unit kedai serta dewan serba guna berkapasiti 250 orang. Bilik jenazah, ruang pejabat, bilik kawalan televisyen dan radio serta 620 petak letak kereta dan 100 petak letak motosikal turut disediakan bagi kemudahan pengunjung.





Masjid ini
berkonsepkan reka
bentuk moden
dan kontemporari
dan dibina
menggunakan kira-
kira 6000 tan besi
keluli



INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA (ILIM) KAMPUS LAWAS

NO GERAN: TRN05-LCLS-004-005-01286, LOT 1286 BLOCK 5

**DAHULU DIKENALI SEBAGAI PUSAT
LATIHAN LAWAS**

Majlis pecah tanah berlangsung pada 13 April 2006 oleh YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak.





SEJARAH PENUBUHAN

Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Kampus Lawas yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Latihan Lawas merupakan sebuah pusat latihan yang kedua selepas Pusat Latihan Sarawak di Telaga Air, Kuching. Cadangan membina Pusat Latihan Lawas adalah untuk merealisasikan hasrat mantan TYT Negeri Sarawak Al-Marhum Tun Ahmad Zaidi Adruce. Beliau amat mengharapkan agar dibangunkan sebuah pusat latihan di Lawas yang akan dapat memberi sumbangan kepada masyarakat Islam di Lawas dan kawasan persekitaran berkaitan usaha-usaha meningkatkan pengetahuan kepada umat Islam.

Setelah melalui proses yang agak panjang akhirnya Majlis Pecah Tanah Pusat Latihan Sarawak, Lawas berlangsung pada 13 April 2006 dan telah disempurnakan oleh YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua

Menteri Sarawak. Sebelum itu, pusat latihan sementara telah pun beroperasi mulai Ogos 2002 dengan menyewa bangunan rumah kedai tiga tingkat bertempat di Lot 332, Jalan Trusan Lawas.

Antara asas pertimbangan keperluan pusat latihan ini adalah untuk melatih para pendakwah sedia ada seperti guru-guru takmir, imam bilal dan ahli jawatankuasa masjid surau. Selain itu, pusat ini juga digunakan sebagai tempat kelas pengajian untuk melatih ‘saudara baru’ dalam usaha menjadikan mereka pendakwah. Program yang dicadangkan antaranya adalah untuk melatih para pendakwah dalam usaha mempertahankan akidah masyarakat melalui ceramah, kuliah dan pengajian. Usaha ini dilihat amat perlu seperti yang kita sedia maklum bahawa daerah Lawas merupakan Pusat Pengkaderan Missionaris Kristian dan terdapat 88 buah gereja di situ.



PROGRAM LATIHAN DI ILM KAMPUS LAWAS

1. Melaksanakan program latihan dan perkaderan dakwah di institusi latihan/ akademik JAKIM:
 - a. Kursus Profesionalisme Imam
 - b. Kursus Profesionalisme Guru-Guru KAFA
 - c. Kursus Kompetensi Bahasa Arab Guru-Guru KAFA
 - d. Kursus Bahasa Pribumi sarawak (Bahasa Iban)
 - e. Kursus Komputer
 - f. Kursus Pengurusan Masjid I (Pengurusan Jenazah)
2. Menjalankan permuafakatan dan penyelarasan program dakwah dengan pertubuhan bukan kerajaan dan agensi lain:
 - a. Ihya Ramadhan I
 - b. Ihya Ramadhan II
 - c. Ihya Ramadhan Perdana
3. Melaksanakan program pemantapan akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah:
 - a. Wacana Isu-Isu Aqidah dan Pemikiran Islam
 - b. Wacana Isu-Isu Aqidah dan Pemikiran Islam Siri II
- c. Seminar Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah SeBorneo
- d. Seminar Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah
4. Melaksanakan program pembangunan insan untuk remaja dan generasi muda:
 - a. Kursus Bina Insan Siri 1
 - b. Kursus Bina Insan Siri II
 - c. Kursus Kepimpinan Islam
5. Melaksanakan program seminar/ wacana kefahaman isu-isu semasa hal ehwal Islam:
 - a. Wacana Isu-Isu Fiqh Semasa
 - b. Wacana Isu-Isu Munakahat (Kekeluargaan)
 - c. Wacana Kefahaman Islam I
 - d. Wacana Kefahaman Islam II
 - e. Forum Ambang Ramadhan
 - f. Ceramah Perdana Awal Muharram
6. Melaksana dan menyelaraskan program bagi menangani gejala murtad dan dakyah agama:
 - a. Kursus Tahsin Qiraat
 - b. Kursus Tahsin Solat (Urus setia Saudara Baru)

KEMUDAHAN ILIM KAMPUS LAWAS

Antara kemudahan asas yang terdapat di ILIM Kampus Lawas ialah:



Pejabat Am ILIM Kampus Lawas



Bilik Mesyuarat



Bilik Kuliah



Surau



INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA (ILIM) KAMPUS BESUT

NO GERAN: GRN 18648, LOT 3490

Projek pembinaan dimulakan pada 3 Disember 2007
dan siap pada Disember 2009.

Pusat latihan ini dibina di atas tapak berkeluasan 26.5
hektar di Bukit Keluang, Besut, Terengganu.

Mula beroperasi pada 11 Februari 2010.





SEJARAH PENUBUHAN

Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Kampus Besut merupakan institut yang bertanggungjawab menyediakan kursus, seminar dan latihan kepada Pegawai Perkhidmatan Hal Ehwal Islam daripada agensi agama Islam seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, tawaran juga dibuka kepada pegawai dan kakitangan daripada pelbagai jabatan kerajaan yang berminat.

ILIM Kampus Besut, dibina di atas tapak seluas 26.5 hektar. Projek pembinaannya bermula pada 03 Disember 2007 dan siap pada Disember 2009. Institut ini terletak 99 km dari bandar raya Kuala Terengganu dan 18 km dari bandar Jerteh.

ILIM Kampus Besut telah memulakan operasi pada 11 Februari 2010 yang mana JPA telah meluluskan 22 jawatan yang meliputi semua gred jawatan dan pelbagai skim perkhidmatan. Terdapat tiga pusat diwujudkan iaitu Pusat Pengurusan Islam (PPI), Pusat Pembangunan Insan (PBI) dan Pusat Pengurusan Sains Dakwah (PPSD).

KEMUDAHAN ILIM KAMPUS BESUT

ILIM Kampus Besut dilengkapi dengan infrastruktur dan kemudahan asas seperti blok pentadbiran, dewan, surau, bilik-bilik kuliah, perpustakaan, asrama dan dewan makan. Turut disediakan kuarters pegawai dan kakitangan.

Blok utama ILIM
Kampus Besut yang
tersergam indah







Para petugas dan kakitangan bersedia menerima kunjungan peserta



Bilik Mesyuarat yang digunakan untuk perbincangan isu- isu penting



Perpustakaan bagi mendapatkan rujukan maklumat dan bahan bacaan



Penginapan asrama yang selesa disediakan untuk para peserta yang menjalani kursus atau program



Dewan makan yang disediakan untuk para peserta kursus




Kemudahan makmal komputer yang lengkap membolehkan para peserta melaksanakan kursus atau latihan dengan lebih berkesan



Kemudahan surau yang selesa dan ruang yang luas bagi memberikan kemudahan kepada para peserta untuk melaksanakan ibadah solat secara berjemaah



Aktiviti berkayak



KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA (KIP)

NO GERAN: 837, 838, 839

Kompleks Islam Putrajaya (KIP) mula dibina pada Oktober 2011 di Presint 3, Putrajaya. Pembinaan KIP siap sepenuhnya pada Julai 2016 dan mula beroperasi pada 1 Disember 2016 di atas tapak berkeluasan 2.21 hektar.

Kompleks Islam Putrajaya yang bermotifkan seni bina Islam moden terdiri daripada empat blok iaitu Blok A, B, C dan D. Pada 18 Julai 2017, kompleks ini telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri yang Keenam Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak.





SEJARAH PEMBINAAN

Kompleks Islam Putrajaya (KIP) mula dibina pada Oktober 2011 di Presint 3, Putrajaya. Pembinaannya siap sepenuhnya pada Julai 2016 dan mula beroperasi pada 1 Disember 2016. Blok pejabat yang dinamakan sebagai Kompleks Islam Putrajaya dibina oleh TH Properties di atas tapak yang berkeluasan 2.21 hektar.

Kompleks Islam Putrajaya yang bermotifkan seni bina Islam moden terdiri daripada empat blok iaitu Blok A, B, C dan D. Kompleks ini menempatkan sembilan agensi agama di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Blok A, C dan D dihubungkan dengan jejantas yang berada di tingkat dua di setiap blok. Bangunan ini juga mempunyai auditorium bawah tanah dan mampu menampung kira-kira 773 orang.







Bangunan Blok A dan B yang menempatkan ibu pejabat JAKIM



Bangunan Blok C yang menempatkan pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)



Bangunan Blok D yang menempatkan JAWI Cawangan Putrajaya, Baitulmal MAIWP, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Bahagian Pensijilan Pengurusan Halal serta Bahagian Kawal Selia Halal dan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)



Blok A, C dan D di Bangunan KIP dihubungkan dengan jejantas yang berada di tingkat dua di setiap blok

PERASMIAN PREMIS

Pada 18 Julai 2017, Kompleks Islam Putrajaya (KIP) telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak. Pembinaan Kompleks Islam Putrajaya (KIP) di Presint 3 menjadi bukti lambang kebanggaan agama Islam di Malaysia. KIP berperanan secara signifikan sebagai mercu tanda dan kesinambungan kepada kegemilangan pentadbiran Islam.

Dengan pemusatan agensi agama dalam satu kompleks, hasrat kerajaan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat akan dapat dipertingkatkan. Urusan hal ehwal Islam seperti permohonan sijil halal, urusan haji dan umrah, perkhidmatan kewangan dan perbankan Islam dan urusan kekeluargaan Islam dapat disampaikan kepada pelanggan dengan lebih mudah dan cepat.

Kompleks Islam Putrajaya menampilkan seni bina Islam yang mempunyai nilai estetika tersendiri, progresif dan berteknologi terkini. Gerbang di atas bumbung menunjukkan keindahan geometri yang menampilkan lengkungan berbentuk seperti “tenunan bumbung”.





Keunikan façade bangunan KIP yang bermotifkan “*Islamic trellis*” membentuk jalinan renda memberikan pencahayaan semula jadi dan mengurangkan silau.

KEUNIKAN SENI BINA

Bangunan ini berkonsepkan cahaya, ketelusan dan dinamik. Diilhamkan daripada perumpamaan “*nur*” iaitu cahaya sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah An-Nur ayat 35.

Kanopi utama dengan reka bentuk seperti separa kubah berstruktur keluli, secara halus memberi tafsiran perhiasan Islam dekoratif *muqarnas* (hiasan tiga dimensi).

Konsep bangunan KIP dibina bertujuan untuk merealisasikan persekitaran bekerja yang lebih luas dan selesa. Di ruang masuk utama disediakan kawasan bertutup atau berbumbung bagi kemudahan keluar masuk pengguna. Lobi utama atau kawasan orang awam direka bentuk dengan ketinggian (*double volume height*) agar tampak lebih luas dan membolehkan pencahayaan serta pengaliran udara yang mencukupi. Kemudahan akses bagi orang kelainan upaya “OKU” disediakan di setiap kawasan strategik.



Konsep cahaya





Keindahan geometri KIP yang mempunyai bumbung seperti “tenunan”



Kanopi utama

KEMUDAHAN KIP



Gimnasium



Auditorium JAKIM yang mampu menampung kira-kira 773 orang



Studio Yusof



PUSAT ANALISIS HALAL MALAYSIA

NO GERAN: 222324, LOT PT23430/35243

**MALAYSIA HALAL ANALYSIS CENTRE
(MYHAC)**

Pusat Analisis Halal Malaysia atau lebih dikenali sebagai *Malaysia Halal Analysis Centre* (MyHAC) dibina pada tahun 2012 dan mula beroperasi pada tahun 2015.

Pada 29 Mac 2018, MyHAC telah dirasmikan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Hj. Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri mewakili YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.





SEJARAH PEMBINAAN

Pusat Analisis Halal Malaysia atau lebih dikenali sebagai *Malaysia Halal Analysis Centre* (MyHAC) dibina pada tahun 2012 dan mula beroperasi pada tahun 2015. Pada awal penubuhannya, MyHAC beroperasi dengan 17 orang pegawai dan kakitangan.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009 telah memutuskan bahawa Institut Halal Malaysia akan dibangunkan di Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan.

Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) kali ke-52 yang bersidang pada 22 Ogos 2011 juga bersetuju dengan penubuhan Institut Halal Malaysia. Projek pembangunan ini mempunyai dua fasa. Fasa pertama ialah pembinaan Pusat Analisis Halal Malaysia (MyHAC). Peruntukan kewangan bagi pembinaan MyHAC telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

Pada 23 Oktober 2015 telah diadakan majlis penyerahan rasmi bangunan MyHAC oleh pihak Jabatan Kerja Raya kepada JAKIM.







Majlis Penyerahan Rasmi Bangunan MyHAC oleh JKR

PERASMIAN PREMIS


Pada 29 Mac 2018, JAKIM mencipta sejarah yang tersendiri apabila Pusat Analisis Halal Malaysia (MyHAC) telah dirasmikan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Hj. Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri mewakili YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Turut hadir bersama dalam majlis perasmian ini ialah YB Dato' Seri Dr. Hj. Awaludin bin Said, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Sembilan dan Tan Sri Dato' Hj. Othman bin Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM.



Majlis Perasmian MyHAC

KEUNIKAN SENI BINA

Perkataan halal (حَلَالٌ) dalam tulisan Arab menjadi inspirasi reka bentuk bangunan Institut Halal Malaysia. Struktur bangunan MyHAC memiliki elemen *Green Building Index* (GBI) seperti bumbung dek logam yang dilengkapi aksesori tiub solar dan memudahkan proses takungan air hujan. Manfaatnya, air hujan akan disalurkan ke dalam tangki air dan boleh digunakan apabila perlu. Dinding bangunan MyHAC dicat menggunakan cat yang berciri mesra alam (*eco-friendly*) iaitu cat yang rendah *Volatile Organic Compounds* (VOC).



Bagi pembinaan MyHAC, bangunan ini terletak di hujung perkataan halal (حَلَالٌ) iaitu huruf 'Lam' (ل). Oleh itu, konsep seni bina MyHAC disesuaikan dengan bentuk huruf 'Lam' (ل)



Lawatan TKSUK, Dato' Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad ke MYHAC pada 28 November 2019

STRUKTUR MYHAC

Bangunan MyHAC terbahagi kepada blok pentadbiran dan blok makmal. Blok Makmal dibahagikan kepada Seksyen Kimia yang terletak di aras satu, manakala Seksyen Bioteknologi terletak di aras bawah.



Analisis di dalam makmal

Seksyen Kimia mempunyai makmal analisis alkohol, makmal analisis protein dan gelatin; makmal analisis lemak dan minyak; dan makmal analisis kulit dan bulu. Seksyen Bioteknologi pula merangkumi makmal pengspesiesan spesies daging dan makmal *Genetically Modified Organism* (GMO).



Pusat Analisis Halal Malaysia (MyHAC) merupakan makmal halal pertama seumpamanya di dunia. Usaha ini adalah satu inisiatif yang baik bagi memartabatkan industri halal di persada antarabangsa dan seterusnya meningkatkan lagi keyakinan dunia terhadap Pensijilan Halal Malaysia.



RINGKASAN MAKLUMAT PREMIS JAKIM

BIL.	NAMA PREMIS	ALAMAT PREMIS	NO. HAK MILIK	NO. LOT	LUAS TANAH (HEKTAR)
1	Masjid Negara	Jalan Perdana, Tasik Perdana, 50480 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.	64072	Lot 58 Seksyen 59	5.26
2	Darul Quran	Jalan Hamzah, 44000 Kuala Kubu Bharu, Selangor.	HSD3281	PT39	79.32
3	Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi	12, Jalan Maktab, Seksyen 12, 43650 Bangi, Selangor.	188209	PT24801	14.5187
4	JAKIM Cawangan Sabah	Aras 6, Blok A, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah, Peti Surat 14725, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.	-	-	-
5	JAKIM Cawangan Sarawak	Aras 9, Majma' Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah, Lorong P. Ramlee 5 Jalan P.Ramlee, 93400 Kuching, Sarawak.	-	-	-
6	IPDAS	KM 6, Jalan Kampung Minawo, Beg Berkunci No. 12, 89009 Keningau, Sabah.	CL135325807	-	42.2
7	IPDAS Kampus Kudat	KM 22, Jalan Sikuati, Peti Surat 406, 89059 Kudat, Sabah.	PL056290165	-	20.234
8	ILIM Kampus Kundasang	Kampung Mesilau, Peti Surat 529, 89308 Ranau, Sabah.	-	-	2
9	Institut Kemahiran Malaysia Sarawak (IKMAS)	Telaga Air, 93050 Kuching, Sarawak.	01-LCLS-008-006-00746(-)	746/ BLOCK 6	15
10	ILIM Kampus Jelebu	Jln Kuala Klawang - Semenyih, 71650 Kuala Klawang, Negeri Sembilan.	149543	LOT 9099	4.051
11	Masjid Putra	Persiaran Persekutuan, Presint 1, 62502 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.	GRN767	LOT 30	2.532
12	Pusat Latihan Sarawak	Telaga Air, 93050 Kuching, Sarawak.	M3-16-22(5.2)(-)	747/(Blok 6)	30
13	ILIM Kampus Lahad Datu	KM 28, Jalan Tungku, 91118 Lahad Datu, Sabah	11200270	Lot 42	24
14	Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin	25, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Presint 3, 62100 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.	HSD 7994	PT 12080	4.04
15	ILIM Kampus Lawas	Telaga Air, 93050 Kuching, Sarawak.	05-Icls-004-005-01286	1286 BLOCK 5	10.83
16	ILIM Kampus Besut	Jalan Pantai Peranginan, Bukit Keluang, 22200 Besut, Terengganu.	GRN18648	LOT3490	26.49
17	Kompleks Islam Putrajaya	Jalan Tuanku Abdul Rahman, Presint 3, 62100 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.	GRN 837, 838, 839		2.21
18	Pusat Analisis Halal Malaysia (MyHAC)	No.1, Persiaran Teknologi 1, Lebuh Enstek, 71760 Bandar Baru Enstek, Negeri Sembilan.	222324	LOT 35243	18.44



JAWATANKUASAKERJA

KETUA PENYELARAS



Haji Mohd
Norizan bin
Abd Ghani

Tuan Haji
Zakaria bin
Othman

PENYELARAS



Norzaidan
bin Hamad

Tuan Haji Mohd
Azmi bin Haji
Masjuri

EDITOR



Dr. Sa'adi bin
Awang

Zuraiza binti Husin

Mohd Salehin
bin Sopian

JURUFOTO



Muktasyaf
bin Ibrahim

Hamdan bin
Muhammad



PENUTUP


Kewujudan JAKIM sejak 50 tahun lalu telah memberi impak yang besar terhadap pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia hari ini. Paparan garis masa premis JAKIM bermula dengan pembinaan Masjid Negara sehingga berdiri kukuh Kompleks Islam Putrajaya. Kewujudan premis ini meneguhkan lagi pengiktirafan Islam sebagai agama bagi Persekutuan Malaysia. Dengan terbinanya bangunan yang bercirikan seni bina Islam akan terus memperkuatkan syiar dan memberikan rahmah kepada seluruh rakyat dan negara ini.



PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menerbitkan buku "Mercu Tanda Risalah JAKIM" ini. Penyusunan penerbitan buku ini juga merujuk kepada buku-buku terbitan JAKIM seperti Jubli Emas Masjid Negara Gemilang Meniti Dekad, Sambutan Jubli Emas Darul Quran Menjana Generasi Al-Quran, JAKIM 4 Dekad Memacu Transformasi Pengurusan Hal Ehwal Islam, Sambutan 35 Tahun JAKIM 1968-2003, Masjid Putra Putrajaya Antara Sejarah dan Kesenian serta Ziarah Masjid di Malaysia dan lain-lain sumber rujukan. Penghargaan ini juga ditujukan khas buat TH Properties atas perkongsian maklumat berkaitan Kompleks Islam Putrajaya (KIP) dalam menyiapkan penerbitan buku ini.





CATATAN

